



SIRI SEJARAH ISLAM



KHALIFAH
'UMAR رضي الله عنه

FIQH SIASAH KHULAFAT AL-RASYIDIN #2

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG





SIRI SEJARAH ISLAM

401000
L2
FOC



'KHALIFAH UMAR

رضي الله عنه

FIQH SIASAH KHULAFAH' AL-RASYIDIN #2

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPERIFERAN
PERDANA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD

.....

© **FIQH SIAASAH KHULAFAH AL-RASYIDIN:**

KHALIFAH 'UMAR RA

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, 2022

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-27390-8-1

Muka Taip Teks: Century Gothic
Saiz Muka Taip: 11

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
No. 9108, Jalan Kerdas 1,
53100 Gombak, Kuala Lumpur
011-20907008
pustakapermataummah@gmail.com

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn. Bhd.
26-28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor
03-8940 5595



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Ustaz Muhammad Khalil Abdul Hadi
Tuan Syahir Sulaiman
Tuan Mohd Adram Musa

PENGARAH URUSAN

Abdul Malik Ab Razak

PENGURUS

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN EDITOR

Maziah Hasan
Ahmad Muhaimin

JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN

Tasneem Zainol

JABATAN PEMASARAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

JABATAN JUALAN & HUBUNGAN

PELANGGAN
Muhammad Ikhwan Nasyriq Salihin

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM

Nur Hafizah Ibrahim

JABATAN PENTADBIRAN

Siti Nurul Afiqah Sazali

ILUSTRATOR

Abdul Latif A. Aziz





SIRI SEJARAH ISLAM



KHALIFAH 'UMAR

رضي الله عنه

FIQH SIASAH KHULAFAH' AL-RASYIDIN #2




PUSTAKA PERDANA



1013310

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



ISI KANDUNGAN

| | |
|--|------------|
| KATA PENERBIT | X |
| KRONOLOGI KEHIDUPAN KHALIFAH 'UMAR RA | XIV |
| MUQADDIMAH | I |
| BAHAGIAN I: PERJALANAN HIDUP SAIDINA 'UMAR SEBELUM MENJADI KHALIFAH | 5 |
| Pengenalan Diri Dan Perwatakan Saidina 'Umar | 6 |
| Cahaya Islam Menembusi Hati Yang Keras | 10 |
| Dakwah Secara Terbuka | 25 |
| Hijrah Secara Terbuka | 29 |
| Penguasaan Saidina 'Umar Terhadap Ilmu Wahyu | 31 |
| Penurunan Wahyu Berpihak Kepada Saidina 'Umar | 37 |
| Saidina 'Umar Melalui Tarbiyah Nabawiyah | 47 |
| Saidina 'Umar Di Medan Jihad | 54 |
| Saidina 'Umar Bersama Saidina Abu Bakar | 57 |
| BAHAGIAN 2: PELANTIKAN SAIDINA 'UMAR SEBAGAI KHALIFAH KEDUA | 66 |
| Pesanan Saidina Abu Bakar Kepada Saidina 'Umar | 68 |
| Pemilihan Saidina 'Umar RA Menjadi Khalifah Kedua | 78 |
| Petikan Ucapan Pertama Saidina 'Umar | 81 |
| Penetapan Gelaran Amir Al-Mu`minin | 85 |
| Penerusan Amalan Syura Dalam Pemerintahan | 88 |
| Peruntukan Sara Hidup Untuk Khalifah | 91 |

297.648
14A

Penetapan Tahun Mengikut Kalendar Hijrah 95

Cabaran Meneruskan Risalah Islam 96

BAHAGIAN 3: PEMBUKAAN ISLAM DI WILAYAH PARSİ 101

Menghadapi Parsi 102

Parsi Bertindak Balas 122

Berdakwah Sebelum Berperang 135

Peperangan Al-Qadisiyyah 155

Penawanan Al-Madain 166

Pertempuran Jalawla` 177

Pembukaan Ramahurmuz Dan Tustar 181

Pertempuran Nahawand Benteng Terakhir Parsi 192

Keganasan Dikalahkan Dengan Keadilan 196

Kemaraan Lebih Jauh 197

BAHAGIAN 4: PEMBUKAAN ISLAM DI WILAYAH ROM TIMUR (BUMI SYAM) 206

Menghadapi Rom 207

Pembukaan Di Wilayah Syam 210

Pembebasan Halab (Aleppo) 233

Pembukaan Baitul Maqdis 235

Krisis Besar Yang Dihadapi Oleh Saidina 'Umar 256

Kemerdekaan Bumi Syam 260

**BAHAGIAN 5: PEMBUKAAN ISLAM DI WILAYAH ROM
TIMUR (MESIR & LIBYA) 270**

| | |
|---|-----|
| Kemaraan Ke Mesir | 271 |
| Pertempuran Di Iskandariah | 281 |
| Kemenangan Yang Sangat Bermakna | 284 |
| Pembukaan Barqah (Cyrenaica) Dan Tarablus (Tripoli) | 286 |
| Kemenangan Diiringi Kemerdekaan, Bukan Penjajahan | 289 |
| Kekuatan Rohani Asas Kemenangan | 296 |

**BAHAGIAN 6: PERKEMBANGAN DARI ASPEK
PENTADBIRAN WILAYAH 309**

| | |
|-----------------------------------|-----|
| Pembahagian Wilayah Islam | 310 |
| Pentadbiran Madinah | 312 |
| Pentadbiran Makkah | 314 |
| Pentadbiran Taif | 317 |
| Pentadbiran Yaman | 318 |
| Pentadbiran Bahrain | 320 |
| Pentadbiran Iraq | 323 |
| Pentadbiran Syam | 334 |
| Pentadbiran Mesir | 336 |
| Konsep Pemilihan Pentadbir (Wali) | 337 |

**BAHAGIAN 7: PRINSIP DAN PELAKSANAAN
KEWANGAN ISLAM 347**

| | |
|---------------------------------------|-----|
| Pelaksanaan Islam Mengikut Acuan Fiqh | 348 |
| Keperluan Ijtihad | 351 |

| | |
|--|------------|
| Sistem Kewangan Islam | 353 |
| Konsep Al-Wasatiyyah | 357 |
| Konsep Al-Wasatiyyah Dalam Sistem Ekonomi | 363 |
| Sumber Kewangan | 372 |
| Pengurusan Perbendaharaan Negara | 398 |
| Konsep Baitulmal | 400 |
| Konsep Tadwin Al-Dawawin | 405 |
| Pengagihan Sumber Kewangan | 408 |
| BAHAGIAN 8: PRINSIP DAN PELAKSANAAN INSTITUSI KEHAKIMAN | 416 |
| Prinsip Kehakiman Dalam Islam | 417 |
| Pelaksanaan Badan Kehakiman | 423 |
| Perutusan Kepada Hakim | 427 |
| Sumber Perundangan | 432 |
| Dalil-Dalil Bagi Menjatuhkan Hukuman | 439 |
| BAHAGIAN 9: PELAKSANAAN HISBAH | 451 |
| Kewajipan Pelaksanaan Hisbah | 452 |
| Pemantauan Terhadap Ketua Pentadbir Wilayah | 455 |
| Pemecatan Pegawai Yang Mempersendakan Pemimpin | 467 |
| Pelaksanaan Hisbah Terhadap Khalifah | 469 |
| Pemantauan Terhadap Rakyat | 479 |

BAHAGIAN IO: PERKEMBANGAN DAN PENYEBARAN ILMU 497

| | |
|-------------------------------------|-----|
| Penekanan Islam Terhadap Aspek Ilmu | 498 |
| Madrasah Madinah | 501 |
| Madrasah Makkah | 503 |
| Madrasah Yaman | 504 |
| Madrasah Basrah | 506 |
| Madrasah Kufah | 507 |
| Madrasah Syam | 508 |
| Madrasah Mesir | 510 |

BAHAGIAN II: PEMBANGUNAN WILAYAH ISLAM 514

| | |
|----------------------------------|-----|
| Pembangunan Institusi Masjid | 515 |
| Pembangunan Bandar-Bandar Baharu | 518 |
| Pembinaan Kemudahan Perhubungan | 520 |

BAHAGIAN I2: KEWAFATAN KHALIFAH 'UMAR BIN AL-KHATTAB RA 524

| | |
|---|-----|
| Hari-Hari Terakhir Sebelum Wafat | 525 |
| Perintah Menjaga Keselamatan Kota Madinah | 532 |
| Pembunuhan Khalifah 'Umar RA | 533 |
| Keinginan Khalifah 'Umar RA Dimakamkan Di Sisi Rasulullah SAW | 537 |
| Pemilihan Khalifah Baharu | 540 |

| | |
|---|------------|
| Pesanan Khalifah 'Umar RA Kepada Khalifah Selepasnya | 543 |
| Saat Terakhir Khalifah 'Umar RA | 552 |
| Kewafatan Khalifah Yang Adil | 555 |
| PENUTUP | 562 |
| RUJUKAN AKHIR | 564 |
| BIODATA PENULIS | 570 |

KATA PENERBIT

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang menciptakan alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diutuskan untuk menyampaikan rahmat kepada sekalian alam. Tidak terkecuali selawat dan salam ke atas ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikuti petunjuk dan pedoman Baginda Nabi SAW. Semoga kita jua tergolong dalam kalangan mereka, Insya-Allah.

Rasulullah SAW dilantik menjadi Nabi akhir zaman dengan suatu misi yang sangat besar iaitu menyampaikan Islam yang sempurna dan rahmat kepada sekalian alam. Baginda SAW meletakkan asas yang penting melalui pembinaan generasi awal Islam di Makkah, seterusnya meletakkan satu asas yang sangat penting dalam pembinaan negara di Madinah. Tugas dan peranan membangunkan peradaban Islam tidak terhenti dengan kewafatan Baginda kerana ia diteruskan oleh generasi sahabat.

Saidina Abu Bakar RA menjadi pengganti Rasulullah SAW bagi memimpin negara Islam Madinah, seterusnya menghadapi tekanan dalaman dengan fitnah murtad dan cabaran daripada dua buah kuasa besar dunia ketika itu, iaitu Rom dan Parsi. Setelah Abu Bakar RA wafat, sahabat yang mulia iaitu Saidina 'Umar bin al-Khattab RA meneruskan agenda Islam sebagai sebuah agama yang universal.

Semenjak awal Islam lagi, Saidina 'Umar RA sudah menunjukkan keperibadian dan ketokohnya sebagai seorang sahabat yang berperanan membantu bagi

melebarkan sayap dakwah Islam. Beliau juga memainkan watak yang penting dalam pelbagai situasi yang dihadapi oleh Nabi Muhammad SAW, khususnya dalam hal ehwal pemerintahan yang memerlukan polisi dan strategi yang betul.

Ketika zaman pemerintahannya sebagai *Amir al-Mu'minin*, 'Umar RA telah membuktikan kebenaran daripada janji Allah SWT dan sabda Rasulullah SAW, apabila berjaya menumbangkan Rom dan Parsi. Kejayaan itu adalah sangat besar, sekali gus menjadikan tamadun Islam sebagai kuasa baharu kepada dunia. Seterusnya, wilayah Islam semakin meluas sehingga Afrika serta sempadan China dan India. Rakyatnya pula menjadi lebih majmuk dengan berbilang agama dan bangsa.

Melalui dasar pembukaan Islam atau *al-Futuhat al-Islamiyyah*, maka banyak wilayah yang ditawan kemudian dibebaskan daripada kezaliman Rom dan Parsi dengan ditegakkan keadilan Islam untuk semua. Perkara ini berbeza sama sekali dengan konsep imperialisme dan kolonialisme Barat yang menjajah dan menjarah bumi yang dijajah secara kejam.

Saidina 'Umar bin al-Khattab RA memaparkan elemen *al-quwwah* (kompeten) dan *al-amanah* (integriti) dalam menguruskan wilayah Islam yang sangat luas. Sehingga pada zamannya, banyak ijtihad baharu berasaskan sumber syara' yang pelbagai, khususnya dari aspek *Siyasah Syar'iyah* terhasil kesan daripada perubahan situasi dan realiti zaman.

Ijtihad politik 'Umar RA merangkumi pelbagai aspek seperti kententeraan, pentadbiran, kewangan atau ekonomi, kehakiman dan sebagainya. Selain itu, 'Umar RA juga berjaya menjadi contoh dan teladan seorang pemimpin dalam menguruskan krisis besar seperti krisis kesihatan (wabak taun Amwas) dan krisis ekonomi

(bencana kemarau yang panjang). Kebijaksanaan dalam menterjemahkan politik Islam yang anjal dan berprinsip meletakkan Saidina 'Umar RA sebagai sosok penting yang harus dipelajari oleh seluruh lapisan umat.

Justeru, sekali lagi Pustaka Permata Ummah sangat berbesar hati dapat menerbitkan karya agung Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi ini. Kami berusaha merujuk pelbagai sumber utama sejarah Islam dalam memastikan segala fakta yang disentuh oleh Tuan Guru dalam buku ini adalah tepat. Perkara ini sekali gus menunjukkan ketelitian penulis dalam mengambil pelajaran besar daripada peristiwa sejarah yang lampau.

Besar harapan kami agar nilai yang terdapat dalam riwayat hidup Saidina 'Umar RA menjadi panduan dan rujukan oleh semua lapisan masyarakat. Tulisan ini merupakan kesinambungan daripada siri Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin sebelum ini. Insyallah, akan disambung dengan siri-siri yang berikutnya pada masa akan datang.

Mudah-mudahan, mutiara ilmu yang disampaikan melalui karya ini mampu memberikan semangat dan jati diri Muslim dalam diri seluruh umat Islam tentang kejayaan yang pernah dicapai oleh generasi keemasan Islam terdahulu. Pada akhirnya, umat Islam kembali bersama Islam dengan mengamalkannya dalam pelbagai aspek kehidupan, khususnya dalam memakmurkan bumi dengan Islam.

Pustaka Permata Ummah



Amir al-Mu`minin 'Umar bin al-Khattab RA menyambung tugas khilafah untuk memerintah negara, membawa mesej khilafah bagi menegakkan agama Islam, dan mentadbir urusan dunia dengannya melalui kepimpinan beriman, berilmu, dan berakhlak. Beliau juga terus berpegang teguh dengan istiqamah kepada prinsip dan nas yang thabit, iaitu ketetapan Allah SWT dan Rasul-Nya yang tidak berubah.



KRONOLOGI KEHIDUPAN
KHALIFAH 'UMAR
BIN AL-KHATTAB RA

KELAHIRAN

Lahir 13 tahun selepas Rasulullah SAW dilahirkan dan berasal daripada keturunan bangsawan Quraisy.

MENENTANG ISLAM

Saidina 'Umar RA melawan dakwah Islam dan berniat untuk membunuh Rasulullah SAW. Namun begitu, niat itu terhalang dan gagal apabila hadir hidayah Islam.



USIA MUDA

Seorang yang gagah dan berani serta dikurniakan karakter yang kukuh dengan kebijaksanaan dan keazaman yang tinggi.

MEMELUK ISLAM

Setelah melihat sekumpulan Muslimat berhijrah dan takjub dengan mukjizat al-Quran, maka 'Umar RA masuk Islam.

PERISTIWA HIJRAH KE MADINAH

Menjadi faktor penting kepada kejayaan hijrah kesan daripada keberanian beliau mencabar Musyrikin yang ingin menghalang dan menentang Islam.



FASA MAKKIYAH

Mempertahankan dakwah Islam dan Muslim yang dizalimi oleh Musyrikin Makkah, termasuklah menjadi faktor penyebaran dakwah Islam.

KEWAFATAN RASULULLAH SAW

Pada mulanya, tidak dapat menerima kewafatan Rasulullah SAW dan mengancam akan menetak mereka yang menyatakan berita tersebut. Namun begitu, Abu Bakar RA berjaya menenangkannya.



FASA MADANIYAH

Menjadi pembantu kepada Rasulullah SAW dalam memerintah negara Islam Madinah bersama Saidina Abu Bakar RA yang banyak terlibat dalam keputusan penting ketika hayat Baginda SAW. Salah seorang daripada 10 orang sahabat yang dijanjikan syurga oleh Baginda SAW.

PELANTIKAN KHALIFAH ABU BAKAR RA


Memainkan peranan penting bersama para sahabat yang lain di Saqifah Bani Sa'idah sewaktu proses pelantikan khalifah yang akan menggantikan tugas Rasulullah SAW. Beliau telah mencadangkan Abu Bakar RA dan menjadi orang pertama membaiahkan khalifah, kemudian diikuti oleh para sahabat yang lain.

ERA KHALIFAH ABU BAKAR RA

Menjadi pendamping setia dan membantu Abu Bakar RA menjalankan tugas sebagai khalifah, termasuklah berperanan dalam banyak situasi penting, contohnya keputusan untuk mengumpulkan al-Quran dan penyebaran dakwah Islam.

PENYEBARAN ISLAM

Bukan sahaja wilayah Iraq dan Syam berjaya dibuka oleh Islam, sehinggalah perbatasan Afrika Utara di Libya dan Mesir serta Asia Tengah di Azerbaijan, malah Baitul Maqdis juga dibebaskan dan kembali ke tangan Islam.



PERLUASAN WILAYAH

Perluasan wilayah yang dijalankan oleh 'Umar RA menyebabkan kedudukan pemerintahan Islam menjadi bertambah kuat dan besar dengan tumbangannya Rom dan Parsi.

PEMBAHARUAN ISLAM

Khalifah 'Umar RA melaksanakan dalam pemerintahannya dari sudut pentadbiran, kewangan, kehakiman dan hisbah bagi menguruskan wilayah Islam yang semakin berkembang dan meluas, termasuklah membangunkan sistem perhubungan dan pendidikan.



MENGHADAPI KRISIS

Pada zamannya, 'Umar RA menghadapi dua krisis yang besar yang mencabar. Pertama, krisis kesihatan apabila diuji dengan wabak taun Amwas. Kedua, krisis ekonomi apabila berlaku kemarau yang panjang.

KEWAFATAN 'UMAR RA

Ketika berusia 63 tahun pada akhir Zulhijjah tahun ke-23 Hijrah, 'Umar RA wafat setelah 10 tahun menjadi Khalifah. Perginya seorang khalifah yang zuhud dan adil.

'Umar RA sangat memberikan perhatian kepada al-Quran. Bukan sahaja menghafaz ayat-ayatnya sejak mulanya menganut Islam sehingga kewafatan Rasulullah SAW, malah beliau juga sangat memahami sebab-sebab turunnya ayat-ayat. Bahkan, sebahagian sebab penurunan itu berpunca daripadanya dan penglibatannya bersama Rasulullah SAW.



MUQADDIMAH

Walaupun Rasulullah SAW sudah wafat, diikuti selepasnya kewafatan Khalifah pertama Abu Bakar RA, Islam terus berkembang serta cahayanya makin bersinar dengan lebih terang dan jelas. Gejala murtad yang dibantu oleh kuasa besar gagal menumbangkan negara Islam yang sangat kuat asasnya.

Mereka tidak berjaya menghapuskan cahaya Islam dan memadamkannya, sehingga pengaruh Islam berhasil menembusi Semenanjung Arab dan wilayah-wilayah milik dua kuasa besar dunia, iaitu Rom dan Parsi. Hal ini menandakan, Islam sememangnya cahaya Allah SWT yang tidak boleh dipadamkan.

Zaman Khalifah kedua, iaitu 'Umar bin al-Khattab RA lebih mencabar. Bukan sahaja Islam berdepan dengan musuh yang lebih besar dari semua penjuror dan seluruh pelosok dunia, bahkan tanah airnya lebih luas dan penduduknya ramai berlipat kali ganda dan lebih majmuk. Muncul masalah baharu dalam kehidupan manusia yang tidak berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan Khalifah Abu Bakar RA.

Namun begitu, Islam yang datang daripada Allah Pencipta alam yang berkuasa memerintah, terbukti paling adil dan sesuai bagi manusia seluruhnya. Bukan sahaja diterima oleh penganut Islam secara iman dan *ta'abbud*, bahkan orang bukan Islam juga menerima secara reda tanpa paksaan. Seheinggakan mereka mengakui pemerintahan Islam lebih baik dan lebih adil daripada kerajaan yang dipimpin oleh penganut seagama dan sebangsa dengan mereka.

Keterbukaan Islam kepada seluruh manusia mengundang kedatangan penganutnya yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya, malah mereka juga berasal daripada pelbagai agama dan terkesan dengan pelbagai tamadun. Islam juga menerima kedatangan bukan Islam yang memohon perlindungan daripada kerajaan yang zalim.

Bahkan, ramai dalam kalangan bukan Islam yang diterima menjadi rakyat atau pergi ke negeri yang menerima kedatangan mereka, lalu membawa berita Islam.

Hal ini selaras dengan pelaksanaan firman Allah SWT:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ
 كَلِمَةَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ

"Dan jika seseorang daripada kaum Musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berikanlah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut adalah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam)."

Surah al-Tawbah: 6

Kedatangan Islam bukan sahaja mengajak manusia kepada Islam tanpa paksaan, kerana berduyun-duyun manusia pelbagai bangsa masuk Islam sehingga bertukar budaya hidup mereka berpandukan agama Islam yang dianutinya. Pada masa yang sama, kedatangan Islam juga menyebabkan berlakunya pengislaman ilmu yang berfaedah dari seluruh pelosok dunia sehingga lahirnya *Hadarah Islamiyyah* (Tamadun Islam), bukannya Islam Hadhari.

Hal ini disebabkan oleh keunggulan Islam, ketahanan, dan kesyumulannya sebagai agama yang datang daripada Allah SWT mengatasi segala tamadun. Islam tidak perlu menumpang tamadun lain, tetapi mengislahkan tamadun bukan Islam di samping tamadun baharu bersama Islam.

Segala kemajuan yang dicapai oleh semua kuasa besar dalam aspek kebendaan sahaja tetaplah dinamakan sebagai jahiliah, apabila ia dicapai tanpa panduan iman dan akhlak. Sebenarnya, tamadun atau hadarah tersebut berakhir dengan kemusnahan, walaupun saki-baki bangunannya masih wujud tersergam menjadi kesan bersejarah di Mesir, Iraq, Rom, Parsi, China, dan India. Hal ini demikian kerana, semua tamadun itu dibina di atas timbunan mayat rakyat yang dizalimi oleh kerakusan kerajaan-kerajaan yang zalim.

Amir al-Mu'minin 'Umar bin al-Khattab RA menyambung tugas khilafah untuk memerintah negara, membawa mesej khilafah bagi menegakkan agama Islam, dan mentadbir urusan dunia dengannya melalui kepimpinan beriman, berilmu, dan berakhlak. Beliau juga terus berpegang teguh dengan istiqamah kepada prinsip dan nas yang *thabit*, iaitu ketetapan Allah SWT dan Rasul-Nya yang tidak berubah.

Selain itu, Khalifah 'Umar RA juga memahami nas yang umum serta nas yang berkaitan dengan sebab yang khusus, di samping perkara baharu yang tiada nas. Hal tersebut menjadikan pentadbiran Islam pada zamannya melahirkan ijtihad baharu dalam *siyasah syar'iyah* yang mampu menangani semua masalah, termasuk masalah baharu yang tiada sebelumnya.

Betapa kebenaran ijtihad Khalifah 'Umar RA sungguh terbukti, sehingga ia menjadi sumber kajian dalam ilmu politik dan pentadbiran Islam yang diciplak oleh pemerintahan moden pada zaman kini. Demokrasi moden

yang diamalkan oleh Barat dan sistem pentadbirannya juga sebenarnya lebih banyak dipengaruhi oleh fiqh politik dan pentadbiran Islam.

Cuma, kelemahannya adalah kerana Barat memisahkan sistem pentadbiran daripada asas agama, selaras dengan ideologi sekularisme yang dianuti dan mempengaruhi kehidupan mereka. Sebaliknya, kelemahan umat Islam pula berlaku setelah mereka meninggalkan ajaran Islam dalam pemerintahan negara.

Mudah-mudahan, pendedahan yang ringkas ini menjadi penyumbang kepada generasi kita melalui kajian akademik yang lebih mendalam dan terperinci. Lebih penting, kajian tersebut dilakukan melalui sumber ilmu warisan Islam yang berselerak dan melimpah-ruah yang terkandung dalam kitab-kitab muktabar, tafsir, hadis, fiqh, dan sejarah Islam.

Kepada Allah SWT dipohon keampunan dan petunjuk kerana kesilapan manusia yang tidak boleh dielakkan. Malahan kepada-Nya jua dipohon penerimaan dalam hisab amal soleh bagi diri sendiri, kedua-dua ibu bapa, para guru, dan keluarga. Amin.

Al-Faqir ila Allah wa Khadim al 'Ilm,

ABDUL HADI AWANG

BAHAGIAN 1
PERJALANAN
HIDUP SAIDINA
'UMAR SEBELUM
MENJADI KHALIFAH

PENGENALAN DIRI DAN PERWATAKAN SAIDINA 'UMAR

Nama penuhnya ialah 'Umar bin al-Khattab bin Nufail bin 'Abd al-'Uzza bin Riyah bin 'Abdullah bin Qurt bin Razah bin 'Adi bin Ka'ab bin Lu'ai bin Ghalib al-Qurasyi al-'Adawi. Pertemuan dengan salasilah Rasulullah SAW adalah pada datuknya Ka'ab bin Lu'ai.

Gelarannya yang terkenal ialah 'Abu Hafsh' dan 'al-Faruq'. Beliau dilahirkan 13 tahun selepas peristiwa tentera bergajah dan kelahiran Rasulullah SAW. 'Umar merupakan seorang yang kacak, berbadan besar dan tinggi serta bersikap keras dan gagah berani. Hal tersebut menjadikannya seorang pemuda yang digeruni dan dihormati pada zaman jahiliah.

Bahkan, dikatakan beliau merupakan daripada kalangan keluarga bangsawan Quraisy, manakala ibunya pula ialah ahli keluarga terdekat dengan 'Amr bin Hisyam (Abu Jahal), seorang bangsawan jahiliah yang terkenal.

'Umar RA ialah seorang pemuda yang tahu membaca dan menulis. Maka, beliau dikira terpelajar pada zamannya, kerana terlalu sedikit orang yang tahu membaca dan menulis disebabkan keseluruhan masyarakatnya buta huruf.

'Umar RA ditugaskan oleh ayahnya al-Khattab supaya menjadi penggembala unta. Perkara tersebut telah menjadikannya seorang yang pengasar dan keras. Dalam kunjungannya ke Makkah ketika menjadi Khalifah, beliau melalui Bukit Dajnan berhampiran Makkah.

Dengan mengeluh, 'Umar RA berkata:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْعَلِيُّ الْمُعْطِي مَا شَاءَ مِنْ شَاءٍ، كُنْتُ
أَرْعَى إِبِلَ الْحَطَّابِ فِي هَذَا الْوَادِي فِي مِدْرَعَةٍ صُوفٍ، وَكَانَ فِطْرًا
يُتْعِبُنِي إِذَا عَمِلْتُ، وَيَضْرِبُنِي إِذَا قَصَّرْتُ، وَقَدْ أَمْسَيْتُ وَلَيْسَ
بَيْنِي وَبَيْنَ اللَّهِ أَحَدٌ.

"Tiada Tuhan yang sebenar melainkan Allah, mengurniakan apa yang Dia kehendaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Aku pernah menggembala unta ayahku, al-Khattab di sini, dengan memakai pakaian berbulu yang kasar. Lalu, dia mengarahkan aku untuk bekerja dengan keras sehingga ia amat memenatkan. Kemudian, dia memukulku sekiranya aku malas bekerja. Aku pernah berada di sini pada waktu petang keseorangan diri, hanya Allah sahaja yang bersamaku pada waktu itu (memahami keadaan diriku)."

Ibn al-Athir, al-Kamil fi al-Tarikh, jld. 2, ms. 437

Beliau menyebutkan keadaan ini setelah beliau dilantik menjadi Khalifah yang diberikan gelaran 'Amir al-Mu'minin', sehingga 'Abd al-Rahman bin 'Auf RA menegurnya:

يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ! مَا زِدْتَ عَلَيَّ أَنْ قَمَيْتَ نَفْسَكَ، يَعْنِي:
عَبْتٌ.

"Wahai Amir al-Mu'minin! Janganlah kamu merungut dengan merendahkan diri sendiri!"

KHALIFAH 'UMAR رضى الله عنه

FIQH SIAH KHULAFAH AL-RASYIDIN #2

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG



APA YANG MENARIK DALAM BUKU INI?



Menelusuri perjalanan hidup Saidina 'Umar bin al-Khattab RA bermula daripada kelahiran sehingga kewafatan beliau.



Gambaran mengenai peristiwa yang berlaku secara jelas melalui lakaran peta.



Visual infografik yang padat dan menarik.



Proses silang rujuk (takhrij) melalui lebih 40 sumber kitab dan rujukan semasa.

SINOPSIS

Buku ini merupakan kesinambungan daripada siri Fiqh al-Harakah sebanyak tiga jilid dan siri kedua daripada siri Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin. Tulisan kali ini menceritakan riwayat hidup seorang sahabat dan pemimpin Islam agung iaitu Khalifah 'Umar bin al-Khattab RA, salah seorang sahabat yang sangat akrab dengan Rasulullah SAW setelah Saidina Abu Bakar RA. Banyak catatan menarik berkenaan beliau, sejak zaman jahiliah sehinggalah beliau menjadi tokoh penting dalam menyampaikan dakwah Islam.

Khalifah 'Umar RA menempuh suatu fasa yang sangat genting dalam berdepan dengan dua kuasa besar dunia, Rom dan Parsi yang akhirnya menyaksikan kedua-dua kuasa besar itu tumbang, seterusnya membenarkan janji Baginda SAW. Pembukaan Islam semakin meluas dan masyarakat yang dinaungi pemerintahan Islam juga terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa. Justeru, banyak ijtihad dan pembaharuan politik telah dilaksanakan oleh Khalifah dari sudut pentadbiran, kewangan, kehakiman, pendidikan, pembangunan, dan sebagainya yang boleh kita jadikan sebagai pedoman dan iktibar dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

SEM. MALAYSIA : RM 65
SABAH SARAWAK : RM 67

ISBN 978-967-273-908-1



9 789672 739081

